



# مجلس دائيره رومبين

## MAJLIS DAERAH ROMPIN

PEJABAT MAJLIS DAERAH ROMPIN, 26800 KUALA ROMPIN,  
PAHANG DARUL MAKMUR.  
Tel : 09-4146677, 4146688, 4146502 & 4146507 Faks : 09-4146077  
e-mel : www.mdrompin.gov.my

Rujukan kami : MDR/P:T/3-02 Jld.3 (6)  
Tarikh : 5. Disember 2019  
Bersamaan : 8 Rabiulakhir 1441

YH. Dato'/Tuan/Puan,

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa bersama-sama ini dikemukakan sesalinan iklan jawatan kosong seperti senarai di bawah dan di lampiran untuk dipamerkan di Jabatan YH. Dato/tuan/puan sebagai hebahan kepada orang ramai.

- 2.1 Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U32;
- 2.2 Penolong Arkitek Landskap Gred JA29;
- 2.3 Penolong Juruukur Bahan Gred JA29; dan
- 2.4 Penolong Jurutera (Mekanikal) Gred JA29

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MOHD FARID BIN ABDUL MANAP, C.A.(M), AMP.)**

Setiausaha

b.p. Yang Dipertua



MAJLIS DAERAH ROMPIN  
26800 KUALA ROMPIN  
PAHANG DARUL MAKMUR  
NO. TEL: 09-4146677 / 88  
e-mel: [mdrompin.gov.my](mailto:mdrompin.gov.my)

## PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG

- A. Permohonan adalah dipelawa daripada warganegara Malaysia dan keutamaan adalah kepada rakyat Negeri Pahang Darul Makmur yang berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:

### 1. PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN GRED U32

- (a) Klasifikasi : Perkhidmatan Perubatan Dan Kesihatan  
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)  
(c) Gred Gaji : U32  
(d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM2,214.00
Gaji Maksimum	RM5,774.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM155.00

- (e) Taraf Jawatan : Tetap

### SYARAT LANTIKAN

- (a) Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U32 apabila telah:
- (i) disahkan dalam perkhidmatan;
  - (ii) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan; dan diperakukan oleh Ketua Perkhidmatan.

2. **PENOLONG ARKITEK LANDSKAP GRED JA29**

- (a) Klasifikasi : Kejuruteraan
- (b) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana
- (c) Gred Gaji : JA29
- (d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM1,549.00
Gaji Maksimum	RM5,701.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM145.00

- (e) Taraf Jawatan : Kontrak

**SYARAT LANTIKAN**

- (a) (i) Sijil dalam bidang teknologi landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau

- (ii) Diploma dalam bidang seni bina landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02); dan

- (b) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. **PENOLONG JURUUKUR BAHAN GRED JA29**

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Kejuruteraan
- (b) Klasifikasi Perkhidmatan : Pelaksana
- (c) Gred Gaji : JA29
- (d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM1,549.00
Gaji Maksimum	RM5,701.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM145.00

- (e) Taraf Jawatan : Kontrak

**SYARAT LANTIKAN**

- (a) (i) Sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau

- (ii) Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02); dan

- (b) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

#### 4. **PENOLONG JURUTERA (MEKANIKAL) GRED JA29**

- (a) Kumpulan Perkhidmatan : Kejuruteraan  
(b) Klasifikasi Perkhidmatan : Pelaksana (Skim Perkhidmatan Bersepadu)  
(c) Gred Gaji : JA29  
(d) Jadual Gaji :

Gaji Minimum	RM1,549.00
Gaji Maksimum	RM5,701.00
Kadar Kenaikan Gaji Tahunan	RM145.00

- (e) Taraf Jawatan : Kontrak

#### **SYARAT LANTIKAN**

- (a) (i) Sijil dalam bidang kejuruteraan mekanikal yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,549.00); atau

- (ii) Diploma dalam bidang kejuruteraan (mekanikal) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29 : RM1,935.02); dan

- (b) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **B. CARA-CARA MEMOHON**

- (a) Permohonan hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Jawatan Majlis Daerah Rompin yang boleh didapati di laman web Majlis Daerah Rompin di alamat [www.mdrompin.gov.my](http://www.mdrompin.gov.my)** untuk setiap satu (1) jawatan.
- (b) Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan sijil atau salinan keputusan peperiksaan bagi kelayakan yang disyaratkan.
- (c) Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat berukuran 10" x 15". Di sudut atas sebelah kiri sampul surat hendaklah ditulis jawatan yang dipohon.
- (d) Permohonan yang berikut **AKAN DITOLAK** sekiranya:
  - (i) tidak lengkap, tidak ditandatangani, tidak disertakan gambar, tidak terang dan memohon jawatan yang tidak diiklankan;
  - (ii) tidak disertakan dokumen yang diperlukan;
  - (iii) tidak mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam iklan;
  - (iv) permohonan diterima selepas tarikh tutup iklan; dan
  - (v) tidak mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat.

## **C. ALAMAT PERMOHONAN DAN TARIKH TUTUP**

Permohonan hendaklah sampai kepada:

**YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH ROMPIN  
26800 KUALA ROMPIN  
PAHANG DARUL MAKMUR**

Sebelum atau pada **26 Disember 2019**

Pegawai-pegawai Kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan selaras dengan Peraturan 18, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dengan menyertakan salinan Kenyataan Perkhidmatan yang kemas kini dan Laporan Penilaian Prestasi.

**D. CATATAN AM**

- a) Hanya permohonan yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ditemu duga
- b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.